

BERITA ONLINE
BERITA RTM
TARIKH : 01 NOVEMBER 2021 (ISNIN)



PM lancar Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara

- November 1, 2021
- Written by Media Baharu
- Published in Semasa



BANGI, 1 November - Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri hari ini melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara, PPVN serta Institusi pembangunan Genom dan Vaksin Malaysia MGVI yang dinaik taraf fungsinya.

Langkah tersebut bagi memantapkan ekosistem pembangunan vaksin negara ke arah mengurangkan kebergantungan terhadap vaksin dari negara luar.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran PPVN dan MGVI di Institut Genom Malaysia (MGI).

Ujarnya, Inisiatif ini merupakan suatu pelaburan yang tinggi, namun berupaya memberi pulangan jangka panjang buat Keluarga Malaysia melalui penjimatan kos merawat penyakit selain membawa pelaburan syarikat multinasional ke Malaysia.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.